



TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
SENIOR DEPUTY SECRETARY GENERAL

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Fax : 03-8888 3834
Web : <http://www.jpm.gov.my>
Emel : jpm@jpm.gov.my

Rujukan Kami : KPKK(R)100-1/5/4 Jld.2 (22)

Tarikh : 18 Mei 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PERINGATAN KESELAMATAN UNTUK MELINDUNGI ASET DI
JABATAN KERAJAAN SEMASA SAMBUTAN HARI RAYA
AIDILFITRI TAHUN 2020 DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT**

Izinkan saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sebagaimana yang YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, rakyat Malaysia akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 24 dan 25 Mei 2020. Sambutan perayaan pada tahun ini akan disambut dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang telah dilanjutkan sehingga 9 Jun 2020 sepertimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mei 2020.

...2/-

3. Justeru, bagi memastikan keselamatan aset di jabatan Kerajaan terus terpelihara sepanjang sambutan Hari Raya Aidilfitri dalam tempoh PKPB, semua Ketua Jabatan, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ) dan penjawat awam adalah diingatkan supaya memastikan langkah-langkah kawalan keselamatan dipatuhi sepenuhnya mengikut peraturan, arahan dan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kerajaan.

4. Sebagai persediaan untuk mengelakkan sebarang risiko keselamatan, semua peraturan dan tindakan yang termaktub di dalam Arahan Keselamatan dan arahan-arahan lain yang ditetapkan dalam pengurusan keselamatan perlindungan terutama semasa musim perayaan dalam tempoh PKPB hendaklah dilaksanakan meliputi nasihat-nasihat dan peringatan berikut:

4.1 Semua **pegawai dan kakitangan diingatkan supaya bertanggungjawab terhadap persekitaran tempat tugas masing-masing** dan memastikannya dalam keadaan baik dan selamat sebelum meninggalkan pejabat;

4.2 Ketua Jabatan hendaklah **menentukan penjadualan dan penggiliran Pegawai Bertugas mengikut keperluan perkhidmatan penting** semasa musim perayaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat berkuatkuasa;


- 4.3 Memastikan hanya **Pegawai dan kakitangan yang dibenarkan sahaja untuk memasuki Pejabat** dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat;
- 4.4 Memberi **kebenaran secara bertulis kepada pegawai yang mempunyai keperluan khusus untuk membawa dokumen atau maklumat rahsia rasmi dalam media storan keluar pejabat;**
- 4.5 Semua **aset, bahan-bahan rasmi dan dokumen rasmi dan dokumen rahsia rasmi disimpan serta dikunci dengan selamat** mengikut arahan ditetapkan;
- 4.6 Mengarahkan semua pegawai dan kakitangan ***log off* komputer, dan memastikan semua media storan telah disimpan** serta dikunci dengan selamat mengikut peraturan ditetapkan;
- 4.7 Memastikan semua sistem keselamatan seperti **CCTV, Kad Akses, Penggera Ceroboh, Penggera Kebakaran dan lain-lain peralatan keselamatan fizikal** dapat berfungsi dengan baik;

- 4.8 Memastikan **sistem perhubungan berfungsi dengan baik** untuk memudahkan perhubungan terutama dengan pihak Polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Hospital dan seumpamanya bagi mendapatkan bantuan teknikal apabila berlaku sebarang kecemasan;
- 4.9 Memastikan semua **kerja-kerja penyelenggaraan bangunan atau peralatan** yang dirancang untuk dilaksanakan **dalam tempoh tersebut** hendaklah dikawal selia secara optimum; dan
- 4.10 Memperketatkan sistem kawalan keselamatan dengan **melaksanakan rondaan, kawalan dan menjalankan pemeriksaan** teliti sepertimana yang ditetapkan serta **melaporkan sebarang insiden atau kegiatan yang mencurigakan** terus kepada Ketua Jabatan dan PKJ.
5. Besarlah harapan sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dan seluruh penjawat awam dapat sama-sama bertanggungjawab dan sentiasa peka serta berwaspada dalam memastikan keselamatan perlindungan di semua Kementerian, Jabatan dan Agensi masing-masing terjamin sepenuhnya terutama untuk melindungi aset semasa menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam tempoh PKPB yang sedang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD SALLEHUDDIN BIN HASSAN)

s.k.

YBhg. Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

SENARAI EDARAN KEMENTERIAN:

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
2. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
5. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
6. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
7. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
8. Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air
9. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
10. Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
11. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

12. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
13. Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
14. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
15. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
16. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
17. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
18. Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
19. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna
20. Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
21. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
22. Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
23. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

24. Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
25. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
26. Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
27. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan

SENARAI EDARAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI:

28. Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
29. Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor
30. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
31. Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
32. Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
33. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah
34. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu

35. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
36. Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
37. Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
38. Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
39. Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
40. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak